

Mangsa banjir di Perak menurun



Gambar hiasan

IPOH - Jumlah mangsa banjir di Perak setakat 4 petang ini menurun kepada 52 orang daripada 12 keluarga berbanding 99 orang pagi tadi, kata Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Perak Yahya Madif.

Beliau berkata sebanyak 53 orang daripada 11 keluarga dari Kampung Layang-Layang Kiri, Parit yang ditempatkan di Surau Nurul Jannah dibenarkan pulang jam 3 petang tadi selepas air banjir surut.

Yahya berkata mangsa yang masih berada di tempat pemindahan ialah penduduk Kampung Lorong Mesra di Changkat Jong, Teluk Intan seramai 36 orang daripada lapan keluarga.

Kesemua mangsa ditempatkan di Sekolah Kebangsaan Changkat Jong.

Sementara itu di Kampung Padang Serai, Batu Hampar, Beruas, sebanyak 16 orang daripada empat keluarga masih ditempatkan di Sekolah Agama Rakyat Radhuaniah, katanya. - Bernama